

**Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)**

Volume 5, Issue 7, July 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:

www.msocalsciences.com**Aplikasi Teori Analisis Domain dalam Domain Bahasa Etnik Melayu Brunei di Sabah****Mohd. Arifin Mohd. Arif¹, Norazlina Mohd Kiram¹, Noor Aina Dani¹**¹Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia (UPM)Correspondence: Mohd. Arifin Mohd. Arif (marifin2020@yahoo.com)**Abstrak**

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar etnik Melayu Brunei di Membakut, Sabah. Tinjauan lapangan telah melibatkan 56 pelajar dari tingkatan 4. Tiga faktor pola pilihan bahasa Teori Analisis Domain diterapkan ke dalam objektif kajian. Korelasi Spearman's rho dikira sesuai dengan data nominal pemboleh ubah. Dapatan menunjukkan bahawa dalam domain perilaku bahasa, dialek Melayu Brunei merupakan bahasa yang dominan di rumah (73.21%) dan di sekolah (66.07%). Dalam domain dan hubungan-peranan dengan ahli keluarga, peserta kajian paling kerap mengguna dialek Melayu Brunei. Dalam hubungan-peranan secara formal dengan pengetua sekolah, para guru dan rakan sekolah terdapat kecenderungan penggunaan dialek Melayu Brunei. Sumbangan empirikal dan konsepsi analisis domain menyerlahkan pengenalpastian perbezaan pemfungsian antara dwibahasa koordinat dan dwibahasa kompaun dari satu kontinum ke satu kontinum. Keputusan hipotesis kajian menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana positif .438 antara penggunaan bahasa ibunda dalam domain keluarga dengan domain pendidikan.

Kata kunci: teori analisis domain, dialek Melayu Brunei, etnik Melayu Brunei, domain pendidikan**Domain Analysis Theory Application In Language Domain of Brunei Malay Ethnic In Sabah****Abstract**

This study was carried out towards ethnic Brunei Malay students in Membakut, Sabah. Field survey made use of 56 students from form 4. Three factors of Domain Analysis Theory language choice were applied to the research objective. Spearman's correlation coefficients were calculated based upon the nominal data variable. Findings showed that in domains of language behavior, the Brunei Malay dialect was the dominant language at home (73.21%) and at school (66.07%). In domains and role-relations with family members, the participants most frequently used the Brunei Malay dialect. The formal role-relations with the school principal, teachers, and school friends there was a tendency to use the Brunei Malay dialect. The empirical and conceptual contribution of domain analysis highlighted the identification of functional differences between bilingual coordinate and bilingual compound from one continuum to one continuum. The result of the research hypothesis showed there was a moderate positive correlation .438 between mother tongue use in the family domain and education domain.

Keywords: domain analysis theory, Brunei Malay dialect, Brunei Malay ethnic, family domain, education domain

Pengenalan

Dialek Melayu Brunei dituturkan oleh kumpulan etnik Brunei, baik di Brunei mahupun di kawasan jirannya di Malaysia seperti di timur Sarawak, di kawasan Limbang, Lawas, Miri dan di Sabah, iaitu di sekitar Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang serta Pulau Labuan (Clynes 2001: 11). Orang Melayu Brunei di Sabah pada masa kini berasal daripada generasi Melayu Brunei terdahulu. Sejarah migrasi orang Brunei ke Sabah bermula semasa pemerintahan Sultan Brunei ke-5 yang bergelar Sultan Bolkuah (1485-1524M). Era tersebut dikenali sebagai 'Zaman Keagungan' kerajaan Kesultanan Brunei sewaktu jajahan Brunei meliputi seluruh Sabah dan Sarawak (Bilcher et al. 2008: 13). Dari segi epistemologi, nama Melayu dan Islam bersatu kukuh dengan amalan cara hidup etnik Brunei di Sabah. Keperluan untuk berkongsi ruang dengan kumpulan etnik lain di Sabah adalah penting. Pada masa yang sama, mereka berusaha untuk mengekalkan identiti Melayu yang ada pada diri mereka (Hussainmiya 2010: 68).

Dialek Melayu Brunei dianggap sebagai dialek bahasa Melayu walaupun ada yang menganggapnya sebagai bahasa yang tersendiri (Deterding & Athirah 2017: 99). Dari sudut linguistik, Deterding (2009: 1) pernah mengemukakan pandangan berikut: Dua variasi ialah bahasa yang berbeza jika tidak saling memahami. Sebaliknya, jika penutur dari satu variasi dapat memahami penutur daripada satu variasi lain meskipun terdapat beberapa perbezaan kata, sebutan dan tatabahasa, maka kedua-dua variasi ialah dua dialek bahasa yang sama. Dengan menggunakan definisi linguistik, Melayu Brunei harus diklasifikasikan sebagai satu bahasa yang tersendiri kerana orang yang bertutur Melayu Brunei di tempat-tempat seperti Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu mendapati percakapan mereka tidak difahami. Melayu Brunei tidak pernah diajar di sekolah-sekolah dan tiada ejaan atau sebutan standard yang ditetapkan kerana orang-orang di Brunei mengambil norma bahasa Melayu standard. Atas dasar ini, Melayu Brunei boleh dianggap sebagai dialek bahasa Melayu, bukan bahasa yang tersendiri.

Menurut Exzayrani (2015: 927), dialek Melayu Brunei terbahagi kepada tiga variasi, iaitu Bandar Seri Begawan, Kedayan dan Kampung Ayer. Ketiadaan konsonan r dan h dalam variasi Kedayan merupakan perbezaan yang paling ketara. Variasi Kampong Ayer juga tiada konsonan r, tetapi tidak seperti Kedayan, di Kampung Ayer j cenderung menggantikan r (Deterding & Athirah 2017: 99). Berdasarkan kertas kerjanya, Clynes (2001: 11-12) mengatakan bahawa dialek Melayu Brunei yang dikenali sebagai Cakap Barunay merujuk kepada variasi yang dituturkan dalam kebanyakan konteks seharian di sekitar ibu kota, Bandar Seri Begawan dan juga di penempatan lain di Brunei serta etnik Brunei di Sabah. Kumpulan variasi ini mengekalkan proto-Malayic r tetapi telah kehilangan bunyi h dalam suku kata. Kumpulan ini tidak memiliki sejarah penyebaran ciri yang dikongsi oleh dialek Kampung Ayer dan Kedayan) dan lebih dekat secara tatabahasa dan leksikal dengan bahasa Melayu standard Brunei daripada dua dialek tersebut. Perbendaharaan kata inti dikatakan 84% berkaitan dengan bahasa Melayu standard Brunei, 94-95% berkognat dengan Kampong Ayer dan Kedayan. Contoh perbezaan perbendaharaan kata asas variasi Bandar Seri Begawan dengan bahasa Melayu standard Brunei (bMsB) termasuk: aing (bMsB 'air'), lauk (bMsB 'ikan'), aga (bMsB 'datang'), gadung (bMsB 'hijaw'), babu (bMsB 'ibu'), sira (bMsB 'garam'), ajay (bMsB 'dagu'). Semua contoh perbendaharaan kata tersebut terdapat dalam dialek Melayu Brunei di Sabah. Dialek Melayu Brunei yang dituturkan oleh orang Brunei di Sabah mempunyai tiga vokal: a, i, dan u. Konsonan r dalam dialek Brunei terdapat dalam semua lingkungan di awal, tengah dan akhir kata seperti dalam bahasa Melayu standard (Asmah, 2008: 65). Contoh perbendaharaan kata asas dialek Melayu Sabah dengan konsonan r dalam semua lingkungan yang diperolehi daripada data peserta kajian di daerah Membakut, Sabah adalah seperti berikut:

r di awal kata: rangit (bMsB 'nyamuk'), ruah (bMsB 'selongkar'), radu (bMsB 'bajak')
r di tengah kata: barat (bMsB 'berat'), parut (bMsB 'perut'), pirik (bMsB 'perah')
r di akhir kata: gugur (bMsB 'jatuh'), lahir (bMsB 'leher'), dangar (bMsB 'dengar')

Berdasarkan maklumat Clynes (2001) dan Asmah (2008) dapat dirumuskan bahawa dialek Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah adalah berbeza daripada variasi Kedayan dan Kampung Ayer di Brunei tetapi mempunyai persamaan dengan variasi Bandar Seri Begawan dengan adanya konsonan r di awal, tengah dan akhir kata.

Definisi Operasional

Aplikasi Teori Analisis Domain

Aplikasi bermaksud menggunakan secara praktik. Aplikasi Teori Analisis Domain ditakrifkan sebagai penerapan secara praktik tiga faktor pola pilihan bahasa penutur yang relatif stabil ke dalam objektif-objektif penyelidikan ini. Tiga faktor tersebut menurut Fishman (1965: 68-69) ialah domain perilaku bahasa (*domains of language behavior*), domain dan hubungan-peranan (*domains and role-relations*), dan sumbangan empirikal dan konsepsi analisis domain (*empirical and conceptual contributions of domain analysis*).

Domain Bahasa

Menurut Fishman (1965:73) terdapat lima domain, iaitu keluarga, persahabatan, agama, pendidikan dan pekerjaan. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan domain bahasa yang bersesuaian dengan pelajar etnik Melayu Brunei. Dua domain bahasa yang digunakan ialah keluarga (rumah) dan pendidikan (sekolah). Dalam setiap domain penggunaan bahasa, pelajar etnik Melayu Brunei berbicara dengan pendengar yang berbeza.

Etnik Melayu Brunei di Sabah

Pelajar etnik Melayu Brunei dalam kajian ini bermastautin di daerah kecil Membakut, Sabah (Malaysia) dan tertakluk serta patuh kepada sebarang pelaksanaan dasar di Malaysia. Pandangan ini diambil kerana orang Melayu di negara yang berlainan tidak mengalami peristiwa sejarah dan sosial yang sama. Pelajar etnik Melayu Brunei dalam kajian ini bukan pengitlakan umum mencakupi pelajar etnik Melayu Brunei di luar sempadan politik Malaysia seperti negara Brunei Darussalam. Mereka ialah pelajar etnik Melayu Brunei dalam 2 kelas (semua) Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Membakut (2). Rekod guru kelas menunjukkan semua sampel kajian berumur 16 tahun. Pada peringkat umur ini mereka sepatutnya telah mendapat pendedahan bahasa ibunda yang mencukupi. Kumpulan pelajar ini menggunakan bahasa ibunda (dialek Melayu Brunei) dan dialek Melayu Sabah dalam komunikasi harian.

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti bahasa yang dominan berdasarkan domain perilaku bahasa pelajar etnik Melayu Brunei yang dikaji.
- ii. Menentukan hubungan-peranan pelajar etnik Melayu Brunei yang dikaji dalam domain bahasa tidak formal dan formal.
- iii. Merumuskan aplikasi Teori Analisis Domain dalam domain bahasa pelajar etnik Melayu Brunei yang dikaji.

Persoalan Kajian

- i. Apakah bahasa dominan yang digunakan oleh pelajar etnik Melayu Brunei dalam domain perilaku bahasa?

- ii. Apakah bahasa yang menentukan hubungan-peranan pelajar etnik Melayu Brunei dalam domain tidak formal dan formal?
- iii. Pola pilihan bahasa yang manakah yang relatif stabil dalam domain bahasa pelajar etnik Melayu Brunei?

Hipotesis Kajian

Terdapat hubungan yang signifikan antara pilihan penggunaan bahasa ibunda pelajar etnik Melayu Brunei yang dikaji dalam domain tidak formal dan domain formal.

Pernyataan Masalah

Pelajar etnik Melayu Brunei memaparkan sikap etnosentrik terhadap bahasa ibunda mereka. Maklumat ini diperoleh daripada 10 pelajar etnik Melayu Brunei dalam kajian rintis di Membakut, Sabah yang bertujuan untuk memurnikan instrumen kajian sebelum implementasi kajian sebenar. Penggunaan dialek Melayu Brunei di Sabah berbeza daripada rakan sebangsa mereka di negara Brunei Darussalam kerana mereka lahir dan membesar sebagai etnik minoriti di negara Malaysia yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dan bahasa rasmi (Loo 2009: 150). Situasi sosiolinguistik pelajar etnik Melayu Brunei di Membakut, Sabah bukan hanya rumit dari aspek bahasa, malahan dalam sistem pendidikan dan politik.

Peserta kajian rintis melaporkan bahawa faktor utama yang membentuk identiti bahasa mereka ialah orang yang mereka temui, loghat Melayu standard, dan kurikulum dalam sistem pendidikan di Sabah. Semua faktor tersebut mempengaruhi cara mereka berfikir hal-hal yang dapat dilihat dalam tindakan dan kehidupan mereka. Titik permulaan dalam kompleksiti pilihan penggunaan bahasa ditafsirkan oleh Weinreich (1953: 68) sebagai “perubahan daripada kebiasaan menggunakan satu bahasa kepada bahasa lain”. Fishman (1972: 107) merujuk proses yang sama sebagai peralihan bahasa dalam domain keluarga oleh kumpulan etnik minoriti.

Dimensi domain bahasa dalam kalangan pelajar etnik Melayu Brunei di Membakut, Sabah belum dikaji secara ilmiah. Pada masa kini para penutur etnik Melayu Brunei di daerah tersebut berasa bahasa mereka yang lebih dikenali sebagai Cakap Barunay cukup sihat dalam domain jaringan kumpulannya sehinggalah penutur yang tersisa semuanya sudah tua. Sikap ini lazim, bahkan ketika penutur yang lebih muda masih separuh mahir Cakap Barunay atau tidak mempunyai pengetahuan bahasa leluhur itu, transmisi bahasa antara generasi tua dengan generasi muda telah lama terhenti. Pada waktu masyarakat etnik Melayu Brunei menyedari akan berlaku peralihan bahasa kepada bahasa yang lebih dominan, usaha menyelamatkan bahasa ibunda sudah terlambat.

Penutur generasi muda dialek Melayu Brunei di Sabah kerap menggunakan sebutan yang berbeza daripada penutur generasi tua. Jika percakapan penutur generasi muda dianggap oleh penutur generasi tua sebagai tidak memadai kerana sikap mereka yang mementingkan kesempurnaan bahasa, maka penutur golongan muda mungkin berputus asa untuk terus bertutur dalam bahasa ibunda. Konflik antara penutur golongan tua dengan penutur golongan muda pernah diamati oleh Bradley (2002) dalam kajiannya tentang daya hidup bahasa etnik Bisu dan Gong di Thailand. Bradley yakin jika versi ‘separuh mahir’ bahasa ibunda diterima dalam komuniti, versi ini dapat terus bertahan dan menyumbang kepada perubahan bahasa. Hasil pengamatannya menunjukkan versi separuh mahir bahasa ibunda yang dipandang ringan akhirnya berasimilasi dengan bahasa yang dominan menyebabkan penutur cenderung dwibahasa.

Keperluan untuk mempelajari bahasa lain sebagai bahasa tambahan condong menjejaskan nilai Cakap Barunay. Umpamanya, hasil kajian Jaludin (2008: 190) tentang penggunaan Cakap Barunay mendapati informan yang berumur 20 tahun ke bawah mengaku sudah tidak memakai kata sapaan yang diwarisi oleh golongan tua. Generasi muda memilih untuk menggunakan kata sapaan *uncle* atau *auntie*. Penggunaan kata *daddy*, *mum*, *mummy* lumrah kedengaran di tempat awam. Peranan bahasa Inggeris

sebagai bahasa pendidikan menggalakkan penjajahan minda, mempengaruhi persepsi dan nilai hidup. Oleh sebab itu, informan yang berumur 20 tahun ke bawah beranggapan bahasa ibunda kurang nilai komersil.

Kepentingan Kajian

Kajian penggunaan bahasa dalam domain spesifik adalah penting dalam negara Malaysia berbilang kaum yang kian giat menjalankan projek pembinaan bangsa. Dalam konteks kajian ini, pelajar etnik Melayu Brunei di Membakut, Sabah memainkan peranan mewakili golongan muda etnik minoriti. Cara pelajar Melayu Brunei mengidentifikasikan diri memberi kesan ke atas isu perpaduan di negeri Sabah kerana bahasa mereka bertindak sebagai penanda identiti etnik. Pemilihan penggunaan bahasa membolehkan satu kumpulan penutur dibezakan daripada yang lain (Edwards 2009: 21). Pemilihan bahasa yang khusus ialah satu cara penyelidik mengetahui semangat kekitaan terhadap bahasa ibunda lanjutan pendedahan bahasa Melayu standard (bahasa kebangsaan) dan bahasa Inggeris (bahasa antarabangsa) di sekolah dalam kalangan pelajar etnik Melayu Brunei.

Status keseluruhan pilihan bahasa berdasarkan hubungan-peranan pelajar etnik Melayu Brunei dalam domain keluarga penting dikaji kerana mereka ialah komuniti dwibahasa. Pemilihan bahasa mana yang patut digunakan dalam sesuatu domain berperanan menghubungkan rasa kebersamaan (*sense of belonging*) dalam diri pelajar etnik Melayu Brunei. Pandangan ini disokong oleh Mohammed Azlan (2010: 101) bahawa “tanpa pemilihan bahasa secara individu dalam masyarakat dwibahasa, mereka seolah-olah telah dihalang untuk bergaul, bekerjasama dan merasai pengalaman hidup bersama”.

Sikap positif pelajar etnik Melayu Brunei terhadap bahasa ibunda merupakan satu indikator daya hidup dialek Melayu Brunei di lokasi kajian. Sikap mereka terhadap bahasa ibunda menerangkan pandangan dunia mereka secara literal, cara pemikiran dan ekspresi diri (Riley 2007: 9). Pada masa yang sama, sikap pelajar etnik Melayu Brunei terhadap bahasa ibunda boleh mengalami proses pembangunan atau berubah mengikut peredaran masa dan dinamik masyarakat, mengambil elemen bahasa baharu dan meninggalkan yang lama.

Sesuatu bahasa berperanan sebagai wahana bagi menyebarkan budaya kumpulan (Padilla 1999: 111). Hasil daripada kajian ini menyumbangkan idea perancangan daya hidup dialek Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah yang dituturkan oleh etnik minoriti. Dalam situasi sosiolinguistik masa kini, pelajar etnik Melayu Brunei yang dikaji dikhuatiri cenderung menggunakan bahasa masyarakat budaya induk yang dominan.

Kajian Lepas

Kajian Yu (2015) meneroka hubungan antara bahasa ibunda anak-anak kelahiran Cina-Amerika dengan identiti etnik. Sebanyak 63 sampel pelajar gred empat hingga lapan menjadi peserta kajian. Ujian korelasi hubungan antara penggunaan bahasa ibunda dengan identiti etnik peserta kajian didapati positif (Yu 2015: 66). Ujian korelasi hubungan antara penggunaan bahasa ibunda dengan identiti etnik yang diterapkan oleh Yu (2015) sesuai dalam menentukan hubungan domain penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan pelajar etnik Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah. Hal ini demikian kerana aplikasi formula statistik analisis korelasi memberi maklumat paras signifikan yang menerima atau menolak hipotesis kajian.

Laporan James (2017) tentang hasil kajian Biro Bahasa dan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Brunei terhadap sebanyak 1600 pelajar sekolah menengah mengatakan bahawa dialek Melayu Brunei kehilangan cengkamannya di Brunei Darussalam. Hanya 48.6% pelajar menggunakannya di rumah dan 43.7% bertutur dialek Melayu Brunei di sekolah. Berlaku penurunan drastik penggunaan dialek Melayu Brunei dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Ramai yang menggunakan bahasa rojak (bahasa Melayu dan Inggeris). Sorotan ini adalah sebagai perbandingan

sama ada terdapat penurunan drastik penggunaan dialek Melayu Brunei dalam kalangan pelajar etnik Melayu Brunei di Membakut, Sabah.

Sa'adiah (2014) telah mengusahakan satu kajian tentang pemilihan bahasa dalam masyarakat Orang Asli Che Wong di Kuala Gandah, Pahang. Kaedah deskriptif dengan pendekatan analisis domain dijalankan terhadap 40 peserta kajian. Hasil kajian menunjukkan masyarakat ini masih mengekalkan penggunaan bahasa ibunda dalam keluarga (rumah). Sebanyak 38 peserta kajian menggunakan bahasa Che Wong apabila bersama dengan ahli keluarga. Keadaan ini menunjukkan petanda positif terhadap pengekalan bahasa ibunda mereka (Sa'adiah 2014: 38-39). Dapatan kajian Sa'adiah (2014) tentang pemilihan bahasa masyarakat Orang Asli suku kaum Che Wong sewaktu berinteraksi sesama mereka dilihat mempunyai persamaan dengan penggunaan bahasa dalam domain keluarga (rumah) oleh pelajar etnik Melayu Brunei yang dikaji.

Reduan (2016) telah menjalankan satu kajian tentang domain bahasa masyarakat Melayu Saribas di Sarawak. Kajian tinjauan lapangan yang dijalankan di Kg. Tengah Spaoh, Kg. Hulu Spaoh dan Kg. Hilir Spaoh melibatkan penutur generasi remaja (Reduan, 2016: 34). Pertuturan dalam domain keluarga menunjukkan kadar 98 peratus remaja kerap menggunakan dialek Melayu Saribas semasa bercakap dengan ahli keluarga di rumah. Dapatan kajian tentang pola pertuturan dalam situasi formal oleh generasi remaja ialah bahasa Melayu standard kerap digunakan ketika bertutur dengan guru dan kakitangan di sekolah (86.3%). Pilihan penggunaan bahasa pelajar etnik Melayu Brunei dalam latar formal di sekolah boleh jadi sama atau berlainan dengan dapatan kajian Reduan (2016).

Latar Belakang Teori dan Pembangunan Hipotesis

Teori Analisis Domain

Menurut keterangan Fishman (1965:73), Schmidt-Rohr ialah orang yang pertama menyarankan agar konfigurasi dominasi dibentuk untuk mengungkap status keseluruhan pilihan bahasa dalam pelbagai domain perilaku. Domain merupakan konstruk sosiobudaya yang disarikan daripada topik komunikasi, hubungan antara komunikator dan latar tempat bersesuaian dengan institusi masyarakat dan kegiatan. Teori Analisis Domain telah diperkenalkan oleh Fishman pada tahun 1965 dalam artikelnya yang bertajuk "*Who speaks what language to whom and when?*" Dalam artikel ini, Fishman (1965: 68-69) menerangkan bahawa pola pilihan bahasa penutur yang relatif stabil bergantung pada tiga faktor berikut:

- i. Domain perilaku bahasa (*Domains of language behavior*)
- ii. Domain dan hubungan-peranan (*Domains and role-relations*)
- iii. Sumbangan empirikal dan konsepsi analisis domain (*Empirical and conceptual contributions of domain analysis*)

Domain Perilaku Bahasa

Schmidt-Rohr telah mencadangkan sembilan domain perilaku bahasa: keluarga, taman permainan dan jalan, sekolah, gereja, kesusasteraan, akhbar, tentera, mahkamah dan pentadbiran kerajaan. Menurut Fishman (1965:73) terdapat lima domain, iaitu keluarga, persahabatan, agama, pendidikan dan pekerjaan. Domain perilaku bahasa berbeza-beza antara satu tetapan dengan tetapan yang lain bukan sahaja dari segi bilangan dan sebutan malahan tahap, misalnya domain pada tahap analisis sosiopsikologi: intim, tidak formal, formal dan kumpulan. Domain pada tahap pentadbiran kerajaan ialah perhubungan sosial yang menyatukan orang mengikut kluster dan tujuan (Fishman, 1965: 74-75).

Domain dan Hubungan-Peranan

Contoh domain dan hubungan-peranan yang dikemukakan oleh Fishman (1965: 75) berlaku kepada dua orang pegawai kerajaan. Pada kebiasaannya, mereka bercakap variasi Flemish (bahasa orang Flanders di Belgium) secara tidak formal antara satu sama lain di pejabat, kecuali tentang perkara teknikal dan profesional. Salah seorang daripada pegawai kerajaan ini selalu tersasul menggunakan

bahasa Perancis (bahasa rasmi di Belgium) dalam beberapa aspek komunikasi seperti rujukan, gaya, situasi dan topik yang terkawal. Peranannya di pejabat adalah sebagai penyelaras.

Dalam banyak kajian perilaku multibahasa, bukti menunjukkan domain keluarga adalah sangat penting. Multibahasa sering kali bermula dalam domain keluarga dan bergantung pada dorongan atau perlindungan keluarga. Dalam kes lain, multibahasa kembali ke dalam domain keluarga setelah disingkirkan dari domain terdahulu. Setiap domain berbeza sesuai dengan hubungan-peranan khusus atau biasa dalam masyarakat pada satu-satu masa. Misalnya, domain keagamaan mendedahkan hubungan-peranan antara ulama dengan ulama, ulama dengan ahli kariah, ahli kariah dengan ulama dan ahli kariah dengan ahli kariah. Begitu juga peranan dan hubungan antara murid dengan guru, penjual dengan pembeli, majikan dengan pekerja dan hakim dengan pempetisyen. Semuanya merujuk kepada hubungan-peranan khusus dalam sesuatu domain (Fishman 1965: 76).

Sumbangan Empirikal dan Konsepsi Analisis Domain

Konsep domain telah memberikan sejumlah sumbangan dalam memahami dwibahasa dan pilihan bahasa. Konsep domain memperjelas peralihan bahasa tidak sekata merentas sumber yang berlainan mengikut kebiasaan pilihan bahasa. Domain spesifik lebih tahan sesaran (*displacement*) berbanding yang lain. Misalnya, domain keluarga dan domain pekerjaan melangkaui semua tetapan (*setting*) yang ditandai urbanisasi dan pembangunan ekonomi (Fishman 1965: 83). Konsep domain juga telah mengecilkan perbezaan antara dwibahasa koordinat dan dwibahasa kompaun berdasarkan perubahan dari satu kontinum ke satu kontinum lain seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.

Jenis Pempfungsian Dwibahasa	Jenis Bertindih	
	Domain Bertindih	Domain Tidak Bertindih
Kompaun (Saling bersandaran atau bercantum)	<p>2. Tahap Kedua: Lebih ramai imigran tahu lebih banyak Bahasa Inggeris. Oleh itu mereka boleh bercakap antara satu sama lain sama ada dalam bahasa ibunda atau bahasa Inggeris (masih berperantara bahasa ibunda) dalam beberapa domain perilaku. Gangguan bahasa bertambah.</p>	<p>1. Tahap Awal: Imigran belajar bahasa Inggeris melalui bahasa ibundanya. Bahasa Inggeris hanya digunakan dalam beberapa domain ini (sektor kerja, sektor kerajaan) di mana bahasa ibunda tidak boleh digunakan. Gangguan bahasa minimum. Hanya beberapa imigran yang tahu sedikit bahasa Inggeris.</p>
Koordinat (Bebas atau berasingan)	<p>3. Tahap Ketiga: Bahasa-bahasa berfungsi secara bebas antara satu sama lain. Bilangan penutur dwibahasa pada tahap maksimum. Domain bertindih pada tahap maksimum. Generasi kedua semasa zaman kanak-kanak. Gangguan bahasa menjadi stabil.</p>	<p>4. Tahap Akhir: Bahasa Inggeris telah menggantikan bahasa ibunda dalam semua domain kecuali domain yang paling peribadi atau terhad. Gangguan bahasa merosot. Dalam kebanyakan kes, kedua-dua bahasa berfungsi secara bebas: dalam kes lain bahasa ibunda berperantara bahasa Inggeris (pembalikan Tahap 1, tetapi jenis yang sama).</p>

Rajah 1: Jenis pempfungsian dwibahasa domain bertindih semasa tahap berturutan akulturasi imigran (Sumber: Fishman 1965: 82)

Jenis pempfungsian (*functioning*) dwibahasa domain bertindih semasa tahap berturutan akulturasi imigran Amerika dari Eropah Timur dan Selatan akhir abad ke-19 dan 20 pada mulanya ialah dwibahasa kompaun. Setiap bahasa berfungsi untuk memisahkan dan mengurangkan domain bertindih. Dengan peredaran masa (yang melibatkan peningkatan interaksi dengan orang Amerika yang berbahasa Inggeris, mobiliti sosial dan akulturasi) ciri dwibahasa imigran ditandai domain bertindih dan gangguan bahasa, fungsi dwibahasa koordinat semakin jelas. Akhirnya, sesaran (*displacement*)

bahasa meningkat sehingga bahasa ibunda hanya tersisa dalam beberapa domain yang terbatas dan tidak bertindih (Fishman 1965: 83).

Konsep domain membezakan pilihan bahasa antara dwibahasa koordinat dengan dwibahasa kompaun dalam perspektif sosiobudaya. Pada umumnya, fungsi dwibahasa adalah tidak selari kerana sifat semula jadi dwibahasa kompaun dan dwibahasa koordinat berbeza dari segi sumber, domain dan pilihan bahasa (Fishman 1965: 84).

Metod Kajian

Penyelidikan ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Membakut (2), Sabah. Pemilihan lokasi adalah berdasarkan jumlah penduduk tetap di Pekan Membakut ialah majoriti etnik Melayu Brunei. Membakut terkenal sebagai sebuah pekan etnik Melayu Brunei di Sabah. Jarak daerah Membakut dari Kota Kinabalu, ibu negeri Sabah adalah lebih kurang 70 kilometer.

Peserta kajian terdiri daripada pelajar etnik Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah. Jumlah keseluruhan pelajar Melayu Brunei di Tingkatan 4 adalah sebanyak 56 orang. Lain-lain kaum hanya 4 orang. Mereka dikecualikan menyertai kajian ini. Kaedah tinjauan lapangan digunakan untuk mengumpul maklumat daripada soalan kaji selidik berstruktur. Item soalan Bahagian A adalah berkaitan dengan latar belakang diri dan keluarga. Bahagian B ialah penggunaan bahasa yang mengandungi dua item berikut:

Penggunaan bahasa dalam domain keluarga (tidak formal)

Penggunaan dialek Melayu Brunei, campuran dialek Melayu Brunei dan dialek Melayu Sabah, bahasa Melayu standard, dan bahasa Inggeris sewaktu pelajar bercakap dengan ayah, ibu, kakak, abang, adik, rakan dan jiran.

Penggunaan bahasa dalam domain sekolah

Penggunaan dialek Melayu Brunei, campuran dialek Melayu Brunei dan dialek Melayu Sabah, bahasa Melayu standard, dan bahasa Inggeris sewaktu pelajar bercakap dengan pengetua sekolah, guru, rakan dalam kelas dan rakan di luar kelas.

Data penyelidikan setiap objektif dianalisis dengan menggunakan aturcara IBM SPSS Statistics 23. Jadual Frekuensi domain keluarga mengandungi frekuensi dan peratus penggunaan bahasa dalam bentuk pelbagai pilihan (*multiple choice*): dialek Melayu Brunei (DMB), campuran dialek Melayu Brunei dan dialek Melayu Sabah (DMB & DMS), bahasa Melayu Standard (BMS), dan bahasa Inggeris (BI). Aturcara SPSS digunakan untuk menganalisis data bahasa ibunda di rumah (ayah, ibu, kakak, abang, adik, rakan dan jiran) dan bahasa ibunda di sekolah (pengetua, guru, rakan di dalam kelas dan rakan di luar kelas). Prosedur *Discrete Missing Values* digunakan bagi item soal selidik yang tiada jawapan. Korelasi Spearman's rho dikira sesuai dengan data nominal pemboleh ubah penggunaan bahasa ibunda di rumah dan di sekolah.

Keputusan


Dalam konteks objektif 1 kajian ini, domain perilaku bahasa yang dimaksudkan ialah pilihan penggunaan bahasa dalam domain keluarga dan domain sekolah. Sampel kajian ialah pelajar etnik Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah (singkatan, dMS).

Bahasa Dominan dalam Domain Perilaku Bahasa

Data frekuensi pilihan penggunaan bahasa pelajar etnik Melayu Brunei dMS dalam domain keluarga dan domain sekolah dipaparkan pada carta pai yang berikut.

Rajah 2: Pilihan Penggunaan Bahasa Pelajar etnik Melayu Brunei dalam Domain Keluarga

Data Rajah 2 menunjukkan bahasa yang dominan dalam domain keluarga pelajar etnik Melayu Brunei dMS masih kekal dialek Melayu Brunei (DMB) sebanyak 73.21%. Penggunaan campuran dialek Melayu Brunei dan dialek Melayu Sabah (DMB&DMS) berjumlah 25.00%. Penggunaan bahasa Melayu standard (BMS) hanya pada kadar 1.79%.



Rajah 3: Pilihan Penggunaan Bahasa Pelajar Etnik Melayu Brunei dalam Domain Sekolah

Kadar peratus yang ditunjukkan dalam Rajah 3 menunjukkan bahawa bahasa yang dominan di sekolah dalam kalangan pelajar etnik Melayu Brunei dMS masih kekal dialek Melayu Brunei (DMB) sebanyak 66.07%. Penggunaan campuran dialek Melayu Brunei dan dialek Melayu Sabah (DMB&DMS) adalah sebanyak 28.57%. Penggunaan bahasa Melayu standard (BMS) hanya pada kadar 5.36%.

Hubungan-Peranan Pelajar Etnik Melayu Brunei dalam Domain Tidak Formal dan Formal

Setiap domain dapat dibezakan berdasarkan faktor hubungan-peranan yang khusus atau kebiasaan dalam masyarakat pada masa tertentu (Fishman, 1965:76). Jadual 1 berikut memaparkan penggunaan

bahasa secara tidak formal dalam domain keluarga dan hubungan-peranan pelajar Melayu Brunei dMS dengan ahli keluarga. Pelajar paling kerap mengguna dialek Melayu Brunei (DMB) semasa berhubung dengan jiran (82.1%). Mereka ialah orang yang tinggal berhampiran rumah pelajar dan boleh jadi lebih tua atau lebih muda atau sebaya dengan umur pelajar. Hubungan-peranan antara pelajar dengan rakan ialah sebaya umur. Penggunaan DMB dalam hubungan-peranan antara pelajar dengan rakan adalah sebanyak 73.2%. Dialek Melayu Brunei (71.4%) menjadi pilihan bahasa dalam hubungan-peranan pelajar sebagai anak dengan ibubapa. Komunikasi dengan adik-beradik berpangkat kakak dan abang masing-masing 37.5% dan 35.7% menggunakan DMB tetapi kadar peratus lebih tinggi sewaktu pelajar berkomunikasi dengan adik (55.4%).

Kadar peratus penggunaan campuran DMB dan dialek Melayu Sabah (DMB&DMS) dalam domain keluarga lebih rendah daripada penggunaan DMB sahaja. Pelajar etnik Melayu Brunei dMS paling kerap menggunakan campuran DMB dan DMS semasa berinteraksi dengan ibu dan adik (28.6%), rakan (26.8%), ayah, kakak dan abang (19.6%) serta jiran (17.9%).

Jadual 1: Penggunaan bahasa pelajar etnik Melayu Brunei dalam domain keluarga (hubungan-peranan)

Ahli	Pilihan Bahasa	Frekuensi	%	% Valid	% Kumulatif
Ayah	DMB	40	71.4	71.4	100.0
	DMB & DMS	11	19.6	19.6	28.6
	Tiada	5	8.9	8.9	8.9
	Total	56	100.0	100.0	
Ibu	DMB	40	71.4	71.4	100.0
	DMB & DMS	16	28.6	28.6	28.6
	Total	56	100.0	100.0	
Kakak	DMB	20	35.7	35.7	100.0
	DMB & DMS	11	19.6	19.6	64.3
	BMS	1	1.8	1.8	44.6
	Tiada	24	42.9	42.9	42.9
	Total	56	56	100.0	
Abang	DMB	21	37.5	37.5	100.0
	DMB & DMS	11	19.6	19.6	62.5
	Tiada	24	42.9	42.9	42.9
	Total	56	100.0	100.0	
Adik	DMB	31	55.4	55.4	100.0
	DMB & DMS	16	28.6	28.6	44.6
	Tiada	9	16.1	16.1	16.1
	Total	56	100.0	100.0	
Rakan	DMB	41	73.2	73.2	100.0
	DMB & DMS	15	26.8	26.8	26.8
	Total	56	100.0	100.0	
Jiran	DMB	46	82.1	82.1	100.0
	DMB & DMS	10	17.9	17.9	
	Total	56	100.0	100.0	

Penggunaan bahasa Melayu standard (BMS) dalam domain keluarga dikesan sewaktu pelajar bercakap dengan kakak tetapi hanya 1.8%. Data Jadual 1 menunjukkan sebanyak 42.9% pelajar etnik Melayu Brunei DMS tiada ahli keluarga sama ada abang, kakak atau ayah (8.9%) dan adik (16.1%).

Data Jadual 2 menerangkan penggunaan bahasa di sekolah dan hubungan-peranan pelajar etnik Melayu Brunei dMS. Pilihan penggunaan bahasa oleh pelajar etnik Melayu Brunei dMS di sekolah memperlihatkan hubungan-peranan secara formal dengan pengetua sekolah, para guru dan rakan sekolah. Dalam domain sekolah pelajar cenderung memilih dialek Melayu Brunei (DMB), diikuti bahasa Melayu standard (BMS), seterusnya campuran BMS dan DMS manakala pilihan terakhir ialah BI. Hasil kajian menunjukkan pelajar lebih banyak menggunakan DMB sewaktu bercakap dengan rakan di dalam dan di luar kelas (76.8%), dengan guru (46.4%) dan pengetua (42.9%). Pelajar memilih BMS apabila berkomunikasi dengan pengetua (42.9%), guru (32.1%), rakan di luar kelas (7.1%) dan rakan di dalam kelas (3.6%). Kadar peratus penggunaan campuran DMB dan DMS adalah rendah antara pelajar dengan guru juga rakan di dalam kelas (19.6%), sementara pengetua dan rakan di luar kelas hanya 14.3%. Terdapat sebanyak 1.8% penggunaan bahasa Inggeris semasa bercakap dengan guru dan rakan di luar kelas.

Jadual 2: Penggunaan bahasa pelajar etnik Melayu Brunei dalam domain sekolah (hubungan-peranan)

Ahli	Pilihan Bahasa	Frekuensi	%	% Valid	% Kumulatif
Pengetua	DMB	24	42.9	42.9	100.0
	DMB&DMS	8	14.3	14.3	57.1
	BMS	24	42.9	42.9	42.9
	Total	56	100.0	100.0	
Guru	DMB	26	46.4	46.4	100.0
	DMB&DMS	11	19.6	19.6	53.6
	BMS	18	32.1	32.1	33.9
	BI	1	1.8	1.8	1.8
	Total	56	100.0	100.0	
Rakan dlm. kelas	DMB	43	76.8	76.8	100.0
	DMB&DMS	11	19.6	19.6	23.2
	BMS	2	3.6	3.6	3.6
	Total	56	100.0	100.0	
Rakan luar kelas	DMB	43	76.8	76.8	100.0
	DMB&DMS	8	14.3	14.3	23.2
	BMS	4	7.1	7.1	8.9
	BI	1	1.8	1.8	1.8
	Total	56	100.0	100.0	

Aplikasi Teori Analisis Domain dalam Domain Bahasa Pelajar Etnik Melayu Brunei

Aplikasi Teori Analisis Domain dalam kalangan pelajar etnik Melayu Brunei yang dikaji merangkumi pola pilihan bahasa berdasarkan domain perilaku bahasa, domain dan hubungan-peranan, dan sumbangan empirikal dan konsepsi analisis domain yang dihuraikan dalam perenggan berikut.

Domain Perilaku Bahasa

Dua domain perilaku bahasa yang dikenal pasti ialah keluarga dan sekolah. Perilaku bahasa domain keluarga lazimnya dalam persekitaran rumah pelajar dan tidak formal. Domain sekolah ialah institusi pendidikan dalam persekitaran formal. Di rumah, dialek Melayu Brunei lebih banyak digunakan oleh

pelajar. Di sekolah umum mengetahui kelaziman menggunakan bahasa Melayu standard sebagai bahasa pengantar. Pelajar etnik Melayu Brunei cenderung menggunakan sama ada dialek Melayu Brunei atau bahasa Melayu standard sewaktu berhubung dengan pengetua, sebaliknya mereka menggunakan dialek Melayu Brunei ketika berkomunikasi dengan guru. Fishman mengatakan bahawa satu bahasa lebih sesuai digunakan dalam domain tertentu mengikut latar tempat.

Pilihan domain bahasa adalah berkaitan dengan norma dan jangkaan sosiobudaya yang meluas (Fishman 1972: 19). Set domain mencerminkan pola sosiobudaya penutur yang terdiri daripada pelajar etnik Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah. Bahasa Melayu standard mempunyai prestij yang lebih tinggi daripada bahasa lain dalam masyarakat etnik Melayu Brunei. Faktor seperti status sosial penutur bahasa asli, konteks ekonomi dan politik menyumbang kepada perkara ini.

Etnik ialah salah satu fasa utama budaya, maka dialek Melayu Brunei digunakan sebagai penanda etnik masyarakat Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah (dMS). Lebih spesifik, dialek Melayu Brunei berfungsi sebagai simbol masyarakat Melayu Brunei. Dengan yang demikian, identiti etnik masyarakat tersebut dapat bertahan selaras dengan pandangan Fishman & Gertner (1985) bahawa identiti etnik dapat kekal pada tahap sedar atau bawah sedar.

Domain dan Hubungan-Peranan

Setiap domain boleh dibezakan melalui hubungan-peranan kebiasaan mahupun yang khusus dalam masyarakat. Domain keluarga mendedahkan hubungan-peranan yang akrab antara pelajar etnik Melayu Brunei dMS sebagai anak dengan pemuka keluarga sama ada ayah atau ibu. Hubungan-peranan mengikut hierarki umur melibatkan pelajar dengan kakak, abang, adik, rakan dan jiran. Hubungan-peranan pelajar Melayu Brunei dMS dalam domain sekolah ialah antara pelajar sebagai murid dengan pihak pentadbir sekolah (pengetua) dan tenaga pengajar (guru) atau rakan sebaya.

Menurut Fishman (1972: 55), analisis pola pertuturan melibatkan kod dalam dua latar, iaitu latar formal dan latar tidak formal. Latar formal dalam domain sekolah dikenali sebagai perbualan variasi tinggi (*high variety*). Latar tidak formal dalam domain rumah dikenali sebagai perbualan variasi rendah (*low variety*). Perilaku pelajar etnik Melayu Brunei memilih satu bahasa pertuturan dalam satu situasi sosial sudah tentu melibatkan domain. Di rumah sewaktu bersama ahli keluarga, rakan dan jiran, pelajar etnik Melayu Brunei menggunakan perbualan variasi rendah. Di sekolah pula pelajar etnik Melayu Brunei menggunakan variasi tinggi dan rendah berselang-seli sewaktu bercakap dengan pengetua, sementara dengan guru mereka menggunakan dialek Melayu Brunei. Dialek Melayu Brunei didapati lebih sesuai dalam konteks latar tidak formal dan latar formal jika dibandingkan dengan bahasa Melayu standard. Hal ini tidak sekata dengan pandangan Fishman bahawa lazimnya bahasa standard atau bahasa berprestij digunakan dalam domain variasi tinggi, manakala bahasa vernakular (bahasa yang dituturkan oleh golongan atau kaum tertentu) dalam domain variasi rendah.

Sumbangan Empirikal dan Konsepsi Analisis Domain

Hasil kajian Yeh, Chan & Cheng (2004: 79-80) mendapati bahawa identiti etnik penutur memenuhi syarat bagi menjelaskan pilihan bahasa dalam domain keluarga. Secara empirikal, pilihan bahasa dalam masyarakat Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah adalah lebih terbuka dan mengalu-alukan hubungan linguistik dan bukan linguistik. Dengan kata lain, masyarakat Melayu Brunei bersedia menggunakan bahasa baharu tetapi tetap terikat pada identiti etnik mereka. Mereka masih dapat mempertahankan peranan dialek Melayu Brunei sebagai bahasa ibunda. Pada masa yang sama, mereka tidak menunjukkan sikap autoritarian atau dogmatisme seperti yang dikatakan oleh Fishman. Mobiliti sosial, perbandaran, perindustrian, dan kemodenan tidak menampakkan impak negatif terhadap dialek Melayu Brunei dMS, misalnya peralihan kepada bahasa yang lebih dominan.

Konsepsi analisis domain memudahkan penyelidik memahami penggunaan bahasa penutur dwibahasa. Penyelidik mengenal pasti perbezaan pemfungsian jenis dwibahasa koordinat dan dwibahasa kompaun dari satu kontinum ke satu kontinum yang diadaptasi daripada Rajah 1 (Fishman 1965: 82). Tahap awal dalam domain tidak bertindih didapati bukanlah jenis pemfungsian dwibahasa yang sesuai dengan

pelajar etnik Melayu Brunei dMS. Tahap awal dalam domain tidak bertindih lebih relevan kepada kumpulan imigran yang berhijrah ke negara lain. Sebaliknya, pelajar etnik Melayu Brunei dMS yang lahir di bumi Sabah ialah warganegara Malaysia. Oleh sebab itu, mereka lebih sesuai berada dalam domain bertindih tahap kedua (dwibahasa kompaun) sebelum mencapai pertuturan tahap ketiga (dwibahasa koordinat). Tahap akhir dalam domain tidak bertindih adalah lebih memihak kepada bahasa ibunda (DMB), bukan digantikan bahasa yang lebih dominan seperti bahasa Inggeris atau bahasa Melayu standard. Penemuan ini bertentangan dengan usul Fishman (1965: 82) bahawa bahasa ibunda berperantara bahasa yang dominan. Dapatlah dikatakan bahawa pelajar etnik Melayu Brunei dMS menggunakan sekurang-kurangnya dua bahasa dalam kehidupan seharian. Selain dialek Melayu Brunei, mereka fasih DMS kerana mendapat pendedahan pada zaman kanak-kanak. Mereka menggunakan struktur bahasa DMB dan DMS yang seimbang atau bahasa peribumi Sabah yang lain jika ibu bapa mereka berlainan etnik.

Pelajar etnik Melayu Brunei berupaya beralih kod dari satu bahasa ke bahasa lain sesuai dengan interlokutor dan konteks situasi. Pelajar etnik Melayu yang dwibahasa memperoleh bahasa ibunda dalam domain rumah ketika berusia tiga atau empat tahun. Kemudian mereka mempelajari bahasa Melayu standard sebagai bahasa kedua dalam domain sekolah. Rumusannya, dialek Melayu Brunei lebih tahan sesaran (*displacement*) jika dibandingkan dengan bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris. Rumusan ini bertepatan dengan konsepsi analisis domain (Fishman 1965).

Persoalan Kajian

- i. Apakah bahasa dominan yang digunakan oleh pelajar etnik Melayu Brunei berdasarkan domain perilaku bahasa?

Bagi kes pelajar etnik Melayu Brunei dMS, dialek Melayu Brunei masih kekal digunakan dalam domain keluarga. Pada masa ini, tiada penurunan drastik penggunaan bahasa ibunda tersebut. Dialek Melayu Brunei juga berfungsi sebagai bahasa yang dominan dalam domain sekolah.

- ii. Apakah bahasa yang menentukan hubungan-peranan pelajar etnik Melayu Brunei dalam domain tidak formal dan formal?

Bahasa yang menentukan hubungan-peranan pelajar etnik Melayu Brunei dalam domain tidak formal dan formal ialah dialek Melayu Brunei.

- iii. Pola pilihan bahasa yang manakah yang relatif stabil dalam domain bahasa pelajar etnik Melayu Brunei?

Pola pilihan bahasa yang relatif stabil dalam domain bahasa pelajar etnik Melayu Brunei ialah dialek Melayu Brunei.

Hipotesis Kajian

Pengiraan korelasi Spearman's rho antara pilihan penggunaan bahasa ibunda (DMB) dalam domain keluarga dengan domain sekolah pada paras signifikan dua sisi, 0.01 dikemukakan dalam Jadual 3.

Paras signifikan bagi pilihan bahasa dalam domain keluarga adalah di bawah 0.05, iaitu .001 dengan saiz kolerasi .438 yang ditafsirkan sebagai korelasi sederhana (Pallant, 2007: 132). Nilai korelasi .438 mewakili hubungan linear sederhana positif antara pilihan bahasa dalam domain keluarga dengan domain sekolah. Keputusan analisis data korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana positif antara penggunaan bahasa ibunda dalam domain keluarga (rumah) dengan domain sekolah (pendidikan).

Jadual 3: Korelasi tak parametrik pilihan bahasa antara domain keluarga dengan domain sekolah

Correlations				
			Pilihan Bahasa dalam Keluarga	Pilihan Bahasa di Sekolah
Spearman's rho	Pilihan Bahasa dalam Keluarga	Correlation Coefficient	1.000	.438**
		Sig. (2-tailed)	.	.001
		N	56	56
	Pilihan Bahasa di Sekolah	Correlation Coefficient	.438**	1.000
		Sig. (2-tailed)	.001	.
		N	56	56

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Perbincangan

Ringkasan data dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa pelajar etnik Melayu Brunei dMS paling kerap menggunakan DMB dalam domain rumah. Keadaan komunikasi dalam domain rumah memaparkan situasi akrab, informal dan kesetaraan (Fishman 1965: 70). Dialek Melayu Brunei masih bertahan sebagai bahasa ibunda dan bahasa komunikasi utama dalam domain rumah. Hasil kajian ini menyokong dapatan kajian Reduan (2016), iaitu semua masyarakat Melayu Saribas masih menggunakan dialek Melayu Saribas sebagai kod variasi rendah dalam domain tidak formal. Selain itu, terdapat persamaan pilihan penggunaan bahasa di rumah antara pelajar etnik Melayu Brunei dMS dengan Orang Asli suku kaum Che Wong dalam kajian Sa'adiah (2014). Meskipun kedua-dua masyarakat tersebut terdedah kepada masyarakat luar, mereka berupaya mengekalkan fungsi bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa dalam domain rumah dan bahasa interaksi sesama jiran.

Hasil kajian menunjukkan tiada penurunan drastik penggunaan DMB dalam kalangan pelajar etnik Melayu Brunei dMS. Justeru, penemuan ini berbeza daripada laporan kajian Biro Bahasa dan Sastera Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Brunei (James: 2017) tentang penurunan drastik penggunaan DMB dalam kalangan pelajar sekolah menengah di negara Brunei Darussalam. Menurutnya, hanya 48.6% pelajar menggunakan DMB di rumah. Di peringkat menengah, penggunaan DMB telah merosot manakala di peringkat masyarakat, orang kurang menggunakan DMB. Peranan pelajar Melayu Brunei sebagai penutur aktif bahasa ibunda dalam domain rumah selaras dengan dapatan kajian Mohammed (2011) bahawa pilihan bahasa dalam domain rumah banyak bergantung pada kawasan tempat tinggal dan kebiasaan dalam pergaulan seharian.

Hasil kajian ini menyokong data Hsi-nan Yeh et al. (2004) bahawa pada umumnya, bahasa standard cenderung digunakan dalam domain tinggi, khususnya ketika berkomunikasi dengan pengetua sekolah. Domain dan hubungan-peranan dalam Teori Analisis Domain (Fishman, 1965: 76) membezakan hubungan-peranan kebiasaan mahupun yang khusus pada masa tertentu. Domain rumah mendedahkan hubungan peranan antara pelajar Melayu Brunei dMS dengan ahli keluarga, rakan dan jiran dalam situasi tidak formal. Pelajar lebih kerap menggunakan bahasa ibunda (DMB) semasa berhubung dengan jiran, rakan, ayah, ibu, adik, abang dan kakak jika dibandingkan dengan campuran DMB dan DMS. Domain sekolah mendedahkan hubungan-peranan antara pelajar Melayu Brunei dMS dengan pengetua, guru dan rakan dalam situasi formal. Sekalipun pelajar berada dalam tetapan (*setting*) yang memerlukan penggunaan BMS, pelajar lebih kerap menggunakan bahasa ibunda (DMB) semasa berhubung dengan rakan dan guru. Apabila berhubung dengan pengetua, pelajar sama kerap menggunakan DMB atau BMS.

Konsep domain mengecilkan perbezaan antara dwibahasa koordinat dan dwibahasa kompaun dalam kalangan pelajar etnik Melayu Brunei dMS. Domain tidak bertindih tahap awal dan tahap akhir saranan Fishman (1965: 82) tidak sesuai dengan tingkah pertuturan (*speech acts*) pelajar etnik Melayu Brunei

dMS kerana mereka bukan etnik imigran. Fakta ini membezakan situasi bahasa antara pelajar etnik Melayu Brunei dengan penduduk migran di Amerika yang dilaporkan oleh Fishman. Dalam domain bertindih, pemfungsian dwibahasa kompaun dan koordinat didapati sesuai dengan pelajar etnik Melayu Brunei dMS.

Menurut keterangan Fishman (1965: 83), dwibahasa kompaun ialah orang yang belajar dua bahasa dalam domain yang sama. Dengan itu, penutur memperoleh satu konsep bagi dua ungkapan lisan. Di dalam sistem bahasanya terdapat dua bahasa yang bersandaran. Sebagai contoh, pelajar etnik Melayu Brunei dMS menggunakan konsep 'usin' dalam perbualan. Pelajar menyebut kata 'duit' apabila menjawab dalam bahasa Melayu standard dan 'usin' sewaktu menjawab dalam dialek Melayu Brunei. Kedua-dua bahasa itu dipelajari serentak dan pelajar tahu bahawa satu konsep sama dengan dua kesedaran fonologi.

Dwibahasa koordinat ialah orang yang memperoleh dua bahasa dalam konteks yang berbeza, iaitu satu di rumah dan satu di sekolah. Perkataan kedua-dua bahasa berada dalam dua sistem bahasa yang berasingan. Setiap perkataan ialah satu konsep khusus dengan makna tersendiri. Pada mulanya pelajar etnik Melayu Brunei dMS menggunakan satu sistem bahasa. Lama-kelamaan pelajar dapat membina sistem bahasa kedua. Akhirnya pelajar dapat mengendalikan kedua-dua sistem bahasa. Pada tahap awal sewaktu pelajar menggunakan bahasa Melayu standard dalam domain sekolah, pelajar mencampurkan dialek Melayu Brunei dan bahasa Melayu standard, misalnya 'Ini duit *mua*' (ini duit muka).

Dalam domain bertindih tahap kedua (dwibahasa kompaun), pelajar etnik Melayu Brunei dMS boleh bercakap dalam bahasa ibunda dan bahasa Melayu standard. Namun percakapan mereka masih ditengahi bahasa ibunda menyebabkan gangguan bahasa (*interference*) meningkat. Dalam domain bertindih tahap ketiga (dwibahasa koordinat), dua bahasa yang dikuasai pelajar etnik Melayu Brunei dMS dapat berfungsi secara berasingan. Pada tahap ini gangguan bahasa (*interference*) telah stabil.

Implikasi

Domain bahasa berperanan sebagai penanda identiti yang memenuhi fungsi menyampaikan maklumat asal-usul dan latar belakang pelajar etnik Melayu Brunei. Identiti kumpulan mereka kekal utuh sesuai dengan leluhur, kebudayaan, agama dan tempat tinggal yang sama (Abdullah 2009: 62). Pelajar etnik Melayu Brunei masa kini berasal daripada leluhur generasi etnik Melayu Brunei terdahulu. Mereka menyerlahkan budaya, pakaian, makanan, agama, adat-istiadat dan bahasa sebagai sumber pembentukan identiti etnik Melayu Brunei di Sabah. Sewaktu menghadapi perubahan, masih ada ciri identiti pelajar etnik Melayu Brunei dMS yang tetap sama. Ciri identiti tersebut ialah jati diri bangsa. Masyarakat umum mengetahui bahawa keturunan etnik Melayu Brunei di Sabah menganut agama Islam, dicam Melayu dan penutur bahasa Melayu. Nama Melayu dan Islam bersatu padu dengan amalan cara hidup etnik Melayu Brunei di Sabah. Mereka bermastautin di tempat tinggal yang sama di kawasan pedalaman antara daerah Beaufort dan Sipitang. Penggunaan dialek Melayu Brunei yang dominan dalam kalangan pelajar etnik Melayu Brunei dMS memberi kesan negatif terhadap ciri identiti nasional yang keempat, iaitu bertutur dalam bahasa kebangsaan. Menurut Janmaat & Mons (2011: 56), identiti nasional sebuah negara yang bersifat multi-etnik seperti Malaysia biasanya menipis kerana lebih taasub kepada kumpulan etnik masing-masing.

Pelajar etnik Melayu Brunei dMS hidup dalam persekitaran masyarakat dwibahasa seperti Komuniti Asia Selatan dalam kajian Rusi & Adrian (2010). Semangat kekitaan dan keterikatan pelajar Melayu Brunei terhadap identiti etnik dan bahasa ibunda mereka adalah positif. Sikap etnosentrisme ini menyokong hasil kajian Muhammad Saiful Haq dan Xang Xiaofeng (2017) tentang sikap dan motivasi negatif terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina di Petaling Jaya. Namun hasil kajian Khairul Nizam (2017) pula memperlihatkan motivasi instrumental yang positif untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar etnik Bajau di daerah Beluran, Sabah.

Teori Analisis Domain (Fishman) berupaya meneliti domain pilihan penggunaan bahasa dalam kalangan pelajar etnik Melayu Brunei di Sabah. Dapatan kajian memberi gambaran yang jelas tentang

domain bahasa pelajar Melayu Brunei dMS sebagai masyarakat dwibahasa, penggunaan bahasa variasi tinggi dalam latar formal di sekolah serta variasi rendah dalam latar tidak formal di rumah. Pelajar etnik Melayu Brunei menganggap dialek Melayu Brunei indah dan penting tetapi bahasa Melayu standard lebih penting untuk kerjaya dan mobiliti sosial.

Kesimpulan

Pelajar etnik Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah menggunakan dialek Melayu Brunei dalam domain keluarga dan sekolah. Analisis terhadap domain bahasa dalam kajian ini mendapati dialek Melayu Brunei dan bahasa Melayu standard masing-masing berfungsi dalam domain bahasa yang melibatkan pelajar etnik Melayu Brunei di lokasi kajian. Berdasarkan kawasan diglosia masyarakat Melayu Brunei di Sabah, dialek Melayu Brunei ialah kod variasi rendah (*low variety*) dalam tetapan (*setting*) kekeluargaan, kejiranan dan komuniti. Dialek Melayu Brunei turut mendominasi tetapan pendidikan yang sepatutnya diisi bahasa Melayu standard. Pola penggunaan dialek Melayu Brunei dalam komuniti etnik Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah pada masa kini adalah relatif stabil dalam domain kritikal di rumah, kejiranan dan komuniti. Orang Melayu Brunei yang lahir di Sabah, meskipun memakai gelar Orang Melayu, bahasa mereka adalah berlainan daripada etnik Melayu di Semenanjung Malaysia. Keperibadian domain bahasa pelajar etnik Melayu Brunei menyerlahkan leluhur (Orang Barunai), budaya (budaya Melayu) dan agama yang sama (agama Islam).

Penghargaan

Ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Syarikat Sedafiat Sdn Bhd yang berpusat di Kota Kinabalu, Sabah kerana membiayai urusan kaji selidik dan kerja lapangan yang berkaitan dengan artikel ini.

Rujukan

- Abdullah Hassan. (2009). Bahasa Melayu Di Persimpangan: Antara Identiti Dengan Rempuhan Globalisasi. *Jurnal Kemusiaan*, 16: 59-81.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bilcher Bala., Baszley Bee., Basrah Bee., & Jakaria Dasan. (2008). Pengaruh Kesultanan Brunei Kepada Masyarakat Sabah (Siri I & II). *Utusan Borneo* 3 April 2008:ms.13
- Bradley, D. (2002). Language attitudes: The key factor in language maintenance. In D. Bradley & M. Bradley (Eds.), *Language endangerment and language maintenance* (pp.1-10). London: Routledge Curzon.
- Clynes, A. (2001). Brunei Malay: An Overview. *Occasional Papers in Language Studies* 7: 11-43.
- Deterding, D. (2009). Language in Brunei. <https://brunei-linguistics.blogspot.com/2009/01/>
- Deterding, D., & Athirah, I. (2017) Brunei Malay. *Journal of the International Phonetic Association*, 47(1): 99-108.
- Edwards, J. (2009). *Language and identity: key topics in sociolinguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Exzayrani Awang Sulaiman. (2015). Sikap Bahasa Generasi Muda terhadap BM: Kajian Kes Sekolah Menengah Chung Hwa. *E-Proceeding of the International Conference on Social Science Research* Jun 2015, Di Meliá Hotel Kuala Lumpur, Malaysia. 13 muka surat.
- Fishman, J.A. (1965). Who Speaks What Language to Whom and When? *La Linguistique*, 1 (2): 67-88.
- Fishman, J.A. (1972). Domains and the relationship between micro and macrosociolinguistics. In J. Gumperz & D. Hymes (Eds.), *Directions in sociolinguistics: The ethnography of communication* (pp. 435-453). New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Fishman, J.A. & Gertner, M.H. (1985). The rise and fall of the ethnic revival: Perspectives on language and ethnicity. New York: Walter de Gruyter.

- Hsi-nan Yeh., Hui-chen Chan., & Yuh-show Cheng. (2004). Language Use in Taiwan: Language Proficiency and Domain Analysis. *Journal of Taiwan National University Humanities & Social Sciences*, 49(1): 75-108.
- Hussainmiya, B.A. (2010). The Malay Identity in Brunei Darussalam and Sri Lanka. *South East Asia. A Multidisciplinary Journal* 10: 65-78.
- James Kon (2017). August 26). Malay Language losing grip. Borneo Bulletin, Diperoleh daripada <https://borneobulletin.com.bn/malay-language-losing-grip>
- Janmaat, J. G., & Mons, N. (2011). Promoting Ethnic Tolerance and Patriotism: The Role of Education System Characteristics. *Comparative Education Review*, 55(1): 056-081.
- Jaludin Chuchu. (2008). Dialek Melayu Brunei dan Identiti: Hala Tuju Ke Depan. *Linguistik Indonesia*, 26(2): 186-196.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki (2017). Sikap dan motivasi murid Bajau dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1): 24-33.
- Loo, S. P. (2009). Ethnicity and educational policies in Malaysia and Brunei Darussalam. *SA-eDUC Journal*, 6(2): 146-157.
- Mohammed Azlan Mis. (2010). *Lingua Franca* di Sarawak: aplikasi teori pilihan bahasa. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 10(2): 97-116.
- Mohammed Azlan Mis. (2011). Analisis Pilihan Bahasa Sebagai *Lingua Franca* Di Negeri Sarawak. Unpublished PhD Thesis: Universiti Malaya.
- Muhammad Saiful Haq Bin Hussin & Xang Xiaofeng. (2017). *Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Cina Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yuk Chyun: Kajian Kes*. Prosiding Seminar Antarabangsa Psikolinguistik Kali Ke-4 (SEAPSIL IV) 10-11 Oktober 2017. Kota Kinabalu, Sabah.
- Padilla, A. (1999). Psychology. In J. Fishman. (ed.), *Handbook of language and social Identity* (pp. 109-121). New York: Oxford University Press./
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual: A step by step guide to data analysis using SPSS* (3 ed.). New South Wales: Allen & Unwin.
- Reduan Abang Amir. (2016). *Perincian Ranah Penggunaan Bahasa dalam Masyarakat Melayu Saribas Di Sarawak*. Tesis PhD. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi: Universiti Putra Malaysia.
- Rusi Jaspal & Adrian Coyle. (2010). 'My language, my people': language and ethnic identity among British-born South Asians. *South Asian Diaspora*, 2(2): 201-218.
- Sa'adiah Ma'alip. (2014). Pemilihan Bahasa: Proses Peralihan Bahasa Masyarakat Orang Asli Che Wong. *Jurnal Melayu*, 12(1): 32-43.
- Weinrich, U. (1953). *Languages in contact*. New York: Columbia University Press.
- Yeh, H., Chan, H., & Cheng, Y. (2004). Language Use in Taiwan: Language Proficiency and Domain Analysis. *Journal of Taiwan (Nonna) University: Humanities & Social Sciences*, 49(1): 75-108.
- Yu, S. (2015). The Relationships among Heritage Language Proficiency, Ethnic Identity, and Self-Esteem. *FIRE: Forum for International Research in Education*, 2(2): 57-71.